

## **MEDIA STATEMENT**

### **IDEAS believes EPF withdrawals should be policy of last resort in helping struggling Malaysians**

**Kuala Lumpur, 18 March 2022** - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) warns that the government's recent decision to allow savers at the Employees Provident Fund (EPF) to make another withdrawal of up to RM10,000 from their EPF savings risks leaving even more EPF savers with insufficient savings once they reach retirement.

As this will become an increasingly pertinent issue as Malaysia transitions to an aged society over the next two decades, IDEAS believes that EPF withdrawals should be a policy of last resort, used in emergency situations only. Instead, existing funds such as the National Disaster Relief Fund (TBBN), the National Disaster Relief Trust Fund (KWABBN) and *zakat* (religious alms) should be utilised instead.

IDEAS notes that up to now, the government had allowed EPF savers to withdraw up to RM71,000 from their retirement funds through three previous EPF withdrawal programmes, which amounted to RM101 billion. As highlighted by EPF, this led to a total of 6.1 million members now having less than RM10,000 in savings in their retirement funds. EPF further emphasised that as of October 2021, 3.6 million contributors have less than RM1,000 in their accounts. From this group, 2 million Bumiputera members have less than RM1,000 as savings.

"While the government is correct in wanting to provide immediate relief to low-income Malaysians who are struggling in the aftermath of the COVID-19 pandemic as well as the recent flooding", said IDEAS CEO, Tricia Yeoh, "we have to remember that the EPF was specifically set up to provide a social safety net for pensioners in Malaysia. As such, the withdrawal and its timeline need to mirror that objective - for retirement purposes and for those purposes alone. IDEAS believes that the decision to continue allowing unending EPF withdrawals to be made is not grounded on sound economic logic but is a knee-jerk reaction, responding to a political agenda. Such short-term thinking will have a detrimental impact over the long run and we urge political leaders to consider the negative impacts such a policy entails for our pensioners and future generations."

"Bear in mind, in order to allow people to withdraw their savings, EPF would be forced to sell more of its overseas assets at a time of volatile market conditions due to the ongoing war in Ukraine, inflationary pressures on global energy and commodity prices, as well as expectations of central banks raising interest rates sometime this year."

"Also, should the EPF be forced to adjust local equity holdings, this could impact Bursa Malaysia badly, further hitting EPF accounts."

“According to data by the World Bank, Malaysia had already become an ageing society in 2020, with approximately 7% of the population aged 65 and above”, stated Dr. Juita Mohamad, Director of the Economics and Business Unit at IDEAS. “Based on latest projections, Malaysia will become an “aged society” by 2044 with over 14% of its population above the age of 65. It is crucial that our increasingly large pensioner population have an adequate cushion when they hit retirement.”

“With the economy recovering and the job market strengthening with the absence of lockdowns, IDEAS believes that EPF withdrawals should be used as the last resort in emergency situations only.”

IDEAS noted that there are various existing funds at both the federal and state levels that can be pooled and tapped into to help vulnerable households. These funds include the National Disaster Relief Fund (TBBN), which is funded by donations from various parties and is set up to manage said disaster relief donations, as well as the National Disaster Relief Trust Fund (KWABBN), which was set up in 2016 under the Financial Procedure Act 1957 with the aims of giving aid to disaster victims, paying for disaster management activities or costs, and providing aid to state governments, departments or agencies. At the state level, additionally, *zakat* funds need to also be further distributed as a powerful poverty alleviation and wealth redistribution tool. Such a tool can be deployed more effectively at the micro-level to targeted vulnerable households in a post-pandemic setting to top up existing federal funds.

“In the long term, the Malaysian government should focus on creating more formalised social safety nets which would cover both formal and informal workers”, Juita said.

--- END ---

### **About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### **For enquiries, please contact:**

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

[zokhri@ideas.org.my](mailto:zokhri@ideas.org.my)

## KENYATAAN MEDIA

### **IDEAS percaya pengeluaran KWSP perlu jadi dasar pilihan terakhir dalam membantu rakyat Malaysia yang dalam kesusahan**

**Kuala Lumpur, 18 Mac 2022** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) memberi amaran bahawa keputusan terkini kerajaan untuk membenarkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membuat sebuah lagi pengeluaran sehingga RM10,000 dari simpanan mereka berisiko menyebabkan lebih ramai pencarum KWSP mempunyai baki simpanan yang tidak mencukupi apabila bersara kelak.

Sebagai pengetahuan umum, Malaysia akan menjadi sebuah negara yang dipenuhi dengan warga emas dalam dua dekad mendatang. Maka IDEAS mengingatkan, dasar sebegini seharusnya menjadi pilihan terakhir dan perlu menggunakan dana sedia ada seperti Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN), Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) serta zakat berbanding KWSP kerana hal ini akan menjadi lebih relevan apabila Malaysia menjadi sebuah negara masyarakat tua dalam masa dua dekad.

IDEAS maklum bahawa sehingga kini, pihak kerajaan telah membenarkan pencarum KWSP melakukan pengeluaran berjumlah sehingga RM71,000 dari dana persaraan mereka melalui tiga program pengeluaran KWSP yang mencecah RM101 bilion. Seperti yang digariskan oleh KWSP, hal ini telah menyebabkan seramai 6.1 juta pencarum kini mempunyai kurang daripada RM10,000 simpanan dalam dana persaraan mereka. Pihak KWSP juga telah memberi penekanan lanjut iaitu sehingga bulan Oktober 2021, seramai 3.6 juta pencarum mempunyai kurang daripada RM1,000 dalam simpanan mereka. Daripada kumpulan ini, seramai 2 juta pencarum Bumiputera mempunyai simpanan kurang daripada RM1,000.

“Walaupun kerajaan benar dalam memberikan bantuan segera kepada rakyat Malaysia berpendapatan rendah yang sedang bergelut susulan daripada pandemik COVID-19 serta bencana banjir baru-baru ini”, kata Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, “kita harus ingat bahawa KWSP ditubuhkan secara khusus untuk menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada pesara di Malaysia. Oleh itu, pengeluaran dan garis masanya perlu menggambarkan objektif tersebut - hanya untuk tujuan persaraan sahaja. IDEAS percaya bahawa keputusan untuk terus membenarkan pengeluaran KWSP dilakukan secara berterusan adalah tidak berdasarkan kepada perkiraan ekonomi yang tepat tetapi merupakan reaksi refleks kerajaan terhadap satu agenda politik. Tindakan jangka pendek sebegini akan memberi kesan yang memudaratkan untuk jangka masa panjang dan kami menggesa pemimpin politik untuk mempertimbangkan kesan negatif dasar ini yang melibatkan para pesara dan generasi masa hadapan.”

“Perlu dingatkan, untuk membenarkan pencarum mengeluarkan simpanan mereka, pihak KWSP terpaksa menjual lebih banyak aset luar negaranya pada ketika keadaan pasaran yang tidak menentu disebabkan oleh perang yang sedang berlaku di Ukraine, tekanan inflasi terhadap harga tenaga dan komoditi dunia, serta jangkaan bank-bank pusat akan menaikkan kadar faedah pada tahun ini.”

“Jika KWSP terpaksa melaraskan pegangan ekuiti tempatan, hal ini akan memberi kesan yang buruk kepada Bursa Malaysia, menyebabkan akaun KWSP terkesan lebih teruk.”

“Berdasarkan data oleh *World Bank*, Malaysia sudah menjadi satu masyarakat menua pada tahun 2020, dengan kira-kira 7% daripada rakyat Malaysia berusia 65 tahun ke atas”, kata Dr. Juita Mohamad, Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan IDEAS. “Berdasarkan kepada unjuran terkini, Malaysia akan menjadi sebuah ‘negara masyarakat tua’ menjelang tahun 2044, iaitu lebih 14% rakyat akan berusia melebihi 65 tahun. Amat penting untuk golongan pesara yang semakin ramai ini mempunyai simpanan yang mencukupi apabila mencapai persaraan.”

“Keadaan ekonomi yang semakin pulih dan pasaran pekerjaan yang semakin kukuh kerana tiada sekatan pergerakan, IDEAS percaya bahawa pengeluaran KWSP seharusnya digunakan sebagai pilihan terakhir dalam situasi kecemasan sahaja.”

IDEAS maklum bahawa terdapat pelbagai dana sedia ada di peringkat persekutuan dan negeri yang boleh dikumpulkan dan digunakan untuk membantu isi rumah yang terjejas. Dana-dana ini termasuk Tabung Bantuan Bencana Negara (TBBN) yang didanai oleh sumbangan pelbagai pihak dan ditubuhkan untuk mengurus sumbangan bantuan bencana tersebut, dan juga Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) yang ditubuhkan pada tahun 2016 di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 bertujuan untuk memberikan bantuan kepada mangsa bencana, membiayai aktiviti atau kos pengurusan bencana, dan memberikan bantuan kepada kerajaan, jabatan atau agensi negeri. Sebagai tambahan, di peringkat negeri, dana zakat juga perlu diagihkan sebagai satu alat pembasmian kemiskinan dan pengagihan semula kekayaan yang kuat. Alat sebegini boleh digunakan dengan lebih berkesan di peringkat mikro terhadap isi rumah terjejas secara bersasar dalam satu persekitaran pasca pandemik untuk menambah nilai dana persekutuan sedia ada.

“Dalam jangka panjang, pihak kerajaan harus fokus untuk membina lebih banyak jaringan keselamatan social secara rasmi untuk membantu pekerja tetap dan separuh masa,” kata Juita.

--- TAMAT ---

### **Tentang IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

[zokhri@ideas.org.my](mailto:zokhri@ideas.org.my)